

## Bab 1

---

# ***MAQASID AL-SHARI`AH: REALISASI MASLAHAH DALAM MASYARAKAT PLURAL- DEMOKRATIK***

*Siddiq Fadzil*

**Mukadimah**

Malaysia ditakdirkan menjadi sebuah masyarakat plural. Ia berpotensi menjadi masyarakat misali yang progresif dan damai dalam kesalingan dan kebersamaan. Andainya pluraliti kemalaysiaan ini ditangani dengan waras dan bijaksanaan, dunia boleh belajar dari model masyarakat plural ala Malaysia yang dibangun berasaskan formula *kepelbagaian dalam bingkai kesatuan* sesuai dengan semangat *Sahifah Madinah*. Tetapi pluraliti juga berpotensi menjadi lahan silang-sengketa yang berhujung dengan tragedi kehancuran. Malaysia juga ditakdirkan menjadi sebuah negara demokratik yang menjanjikan kehidupan bernegara berasaskan kuasa dan daulat rakyat yang tersalur menerusi sistem pilihan raya yang bersih, bebas dan jurdil (jujur dan adil). Tetapi demokrasi tidak sentiasa setia kepada aspirasi aslinya, sehingga demokrasi tidak lagi menjadi alternatif ideal kepada kediktatoran otoriter. Justeru, manusia yang tidak berjiwa demokrat selalu mencurangi prinsip dan nilai demokrasi. Pilihan raya yang menjadi ciri penting demokrasi seringkali dicemari penipuan, rasuah dan pelbagai permainan politik kotor lainnya.

### **Fungsi *Maqasid al-Shari`ah***

Syari`at Islamiah selalu disebut sesuai untuk sepanjang zaman dan di semua tempat. Kenyataan tersebut memang benar andainya syari`at dilaksanakan dengan mengambilkira realiti (tempat dan zaman) untuk mempastikan pelaksanaannya membawa *maslahah* kepada masyarakat. Kata *maslahah* memang merupakan kata kunci yang menjadi bahagian integral daripada syari`at sehingga disebut bahawa syari`at adalah *maslahah*, dan *maslahah* adalah syari`at. Justeru, syari`at bermatlamat demi *maslahah* manusia (*li masalih al-`ibad*). Matlamat syari`at

sedemikian itulah yang disebut *maqasid al-shari`ah* (objektif tertinggi syari`at) yang terumus pada *daruriyat* yang lima (pemeliharaan agama, jiwa, akal, zuriat dan harta).

Untuk mempastikan realisasi *maslahah* dalam kehidupan masyarakat, termasuk masyarakat plural-demokratik, *maqasid al-shari`ah* tersebut harus diertikan dan difungsikan sesuai dengan realiti zaman dan lingkungan. Pemeliharaan agama (*hifz al-din*) harus diertikan tidak hanya mengawalnya daripada penyimpangan, tetapi juga pembinaan masyarakat yang religius (*mutadayyin*). Pemeliharaan jiwa (*hifz al-nafs*) harus diertikan tidak hanya sebagai larangan membunuh, tetapi juga pencapaian kualiti hidup (terhormat, berdaulat dan bermartabat) sesuai dengan darjat kemuliaan insaninya. Pemeliharaan akal (*hifz al-aql*) harus diertikan tidak hanya pengharaman minuman yang memabukkan atau yang merosakkan akal, tetapi juga pembinaan daya fikir masyarakat, pembangunan budaya keintelektualan, perlawanan terhadap pembodohan dan apa sahaja yang meracuni pemikiran masyarakat. Pemeliharaan zuriat (*hifz al-nasl*) harus diertikan tidak hanya sebagai pengharaman zina dan pensyari`atan nikah, tetapi juga sebagai penguatan institusi keluarga dan pembinaan generasi berkualiti. Pemeliharaan harta (*hifz al-mal*) pula tidak harus diertikan hanya sebagai pengawalan harta agar tidak hilang atau penggantiannya jika hilang, tetapi juga sebagai pembangunan ekonomi manusiawi-maslahi (kerakyatan) dan pemerataan kemakmuran.

Perumusan lima maqasid tersebut dianggap memadai untuk zaman mula-mula ia diungkapkan. Memang ia sudah cukup inklusif dalam pengertian telah meliputi segala *daruriyat*. Bagaimanapun ia bukan suatu pembatasan yang mutlak. Tidak ada halangan untuk menambahnya sesuai dengan perkembangan zaman. Kerana itu ulama masa kini menyarankan beberapa maqasid tambahan, yang meskipun sudah terangkum secara tersirat dalam maqasid yang lima tersebut, tetapi dirasakan perlu disebut berasingan sebagai penyerahan dan penegasan untuk menjadikannya lebih relevan dengan keperluan semasa. Dalam konteks sedemikian itulah terungkapnya maqasid seperti akhlak, kebebasan, keadilan, persamaan dan hak asasi manusia.

*Maqasid al-shari`ah* yang berpaksi pada realisasi *maslahah* harus difungsikan sebagai faktor pemersatu masyarakat plural. Justeru, melalui formula **kepelbagaian dalam bingkai kesatuan**, *maqasid al-shari`ah* dapat dijadikan salah satu bingkai kesatuan apabila ia diungkapkan sebagai nilai-nilai sejagat yang dikongsi bersama oleh seluruh warga. Memang hakikat kesejagatan nilai-nilai maqasid tersebut sudah dinyatakan dengan jelas dan tegas oleh Shaykh al-Maqasid Abu Ishaq al-Shatibiy dalam mukadimah ketiga *al-Muwafaqat*-nya. (Al-Shatibiy, Abu

Ishaq, 2014:20). Masyarakat plural-demokratik memang memerlukan suatu set nilai hidup sebagaimana yang terkandung dalam *maqasid al-shari'ah*, iaitu *daruriyat* yang lima di samping nilai akhlak (integriti moral), kebebasan, keadilan, persamaan dan hak asasi kemanusiaan.

### **Pluraliti: Perspektif *Maqasidi***

*Maslahah* yang menjadi paksi *maqasid al-shari'ah* hanya akan dapat direalisasikan apabila pluraliti dipersepsi dan disikapi secara positif berasaskan prinsip-prinsip berikut:

1. Kepelbagaiannya terwujud dengan kehendak Allah. Sebagai perwujudan dari *iradah Ilahiyyah*, kepelbagaiannya pastinya mengandungi hikmah rahmat dan manfaat bagi warga kemanusiaan seluruhnya. Tuhan sendiri yang mencipta manusia berbangsa-bangsa, dan Tuhan sendiri yang menghendaki manusia berbeza agama. Dasar tidak ada paksaan dalam agama memberikan kebebasan kepada manusia memilih sendiri agama yang diyakininya; dan seterusnya ini melahirkan kepelbagaian agama, budaya dan pemikiran.
2. Kemuliaan manusia kerana kemanusiaannya, tanpa mengira apa pun bangsa, agama, bahasa dan budayanya. Kemuliaan mutlak kemanusiaan adalah anugerah Tuhan (*al-takrim al-Ilahiy*) kepada seluruh anak manusia. Kerana itu manusia tidak berhak menghina atau merendahkan manusia lain. Semua harus dilayani dan dihormati sebagaimana layaknya makhluk yang dimuliakan Tuhan.
3. Kepelbagaiannya diciptakan Tuhan dengan tujuan untuk saling mengenal (*al-ta'aruf*) yang menghasilkan *maslahah* saling memanfaatkan, saling menghargai dan saling menyayangi. Semangat kesalingan yang tumbuh dari *ta'aruf* akan menghasilkankekayaan ilmu dan budaya yang menjadi asas pembinaan tamadun kemanusiaan.
4. Prinsip persaudaraan kemanusiaan sejagat (*ukhuwwah insaniyyah*) yang merentasi perbezaan agama dan bangsa. Persaudaraan seagama tidak menjadi penghalang kepada persaudaraan yang lebih luas dan inklusif meliputi seluruh warga kemanusiaan yang pada hakikatnya berasal dari baka yang sama.
5. Perdamaian (*al-salam*) sebagai dasar hubungan antara manusia yang akan memberikan rasa selamat kepada semua dan seterusnya menciptakan kehidupan yang aman, sentosa dan sejahtera.

Kekuatan warga tidak terbuang sia-sia dalam silang-sengketa, sebaliknya tercurah sepenuhnya dalam perjuangan kolektif merealisasikan cita-cita bersama.

6. Tuntutan melayani orang lain dengan kebaikan dan keadilan (*al-birr wa al-qist*) sesuai dengan misi umat terunggul (*khayra ummah*) untuk menyumbang amal bakti kepada warga kemanusian sejagat (*ukhrijat li al-nas*). Perintah bekerjasama dalam melakukan amal kebaikan (*al-ta`awun `ala al-birr*) tidak dibataskan hanya dalam kalangan kaum Muslimin sahaja. Konteks ayat 2 surah *al-Ma'idah* tersebut jelas dalam rangka hubungan dengan kaum bukan Muslim. Demikian juga dengan keadilan (*al-qist*) yang menjadi asas pelayanan terhadap semua, Muslim dan bukan Muslim.
7. Pengamalan etika debat dan dialog dengan memilih cara terbaik (*ahsan*), terutama jika berhadapan dengan kaum bukan Muslim (*ahl al-kitab*). Cara “yang baik” sahaja tidak cukup, tetapi harus “yang terbaik” dari segala segi - adab, hujah dan gaya penyampaiannya. Yang penting dapat meyakinkan tanpa menyakiti pihak lain.
8. Penguatan semangat kebersamaan yang meliputi penyegaran nilai-nilai sejagat, kerjasama dalam kegiatan kemasyarakatan dan amal bakti kemanusiaan. Ketika ini telah wujud pelbagai institusi dan organisasi amal sosial yang menangani pelbagai masalah bersama seperti bencana alam, pencemaran alam sekitar, gejala penyimpangan sosial, keruntuhan moral dan lain-lainnya.

Untuk merealisasikan *maslahah* bersama, prinsip-prinsip tersebut harus mendasari segala bentuk kepelbagaian yang wujud dan tumbuh dari masa ke masa seperti kepelbagaian kaum, kepelbagaian agama, kepelbagaian parti politik dan seterusnya. Dalam kaitan inilah relevannya saranan al-Shaykh Dr. Yusuf al-Qaradawiy dalam tulisannya *Khitabuna al-Islamiy fi `Asr al-`Awlamah*, tentang pelunakan bahasa dalam masyarakat global. Istilah *kafirun* (orang-orang kafir) seharusnya digantikan dengan kata *ghayr al-muslimin* (bukan Islam/non-Muslim) dan istilah *dhimmiyyun* (kafir dhimmi) digantikan dengan kata *muwatinun* (warganegara). Untuk mencapai *maslahah* kerukunan hidup berdampingan (*al-ta`ayush al-silmiy*) dalam kalangan umat pelbagai bangsa dan agama, ada pula saranan agar umat bukan Muslim disebut *ummah al-da`wah* (umat yang harus didakwah), sedang umat Muslim disebut *ummah al-ijabah* (umat yang telah menerima dakwah).

## ***Maqasid al-Shari`ah dan Masyarakat Demokratik***

Inti demokrasi adalah daulat rakyat (*siyadat al-sha`b*) dalam pengertian rakyat sebagai sumber kekuasaan (*al-sha`b masdar al-sultah*). Sesebuah kerajaan mendapat legitimasinya dari mandat yang sah dari rakyat. Dalam era demokrasi, mandat tersebut diperolehi menerusi pilihan raya yang bersih, jujur dan adil. Rakyat yang berkedaulatan melaksanakan hak pilihnya dengan bertanggungjawab, bebas dan cerdas. Justeru, mengundi dalam pilihan raya seperti yang dinyatakan oleh al-Qaradawiy bererti memberikan kesaksian. Yang namanya saksi, ia wajib hadir apabila dipanggil, dan seterusnya memberikan kesaksiannya dengan amanah, bebas, jujur dan adil. Demi menjunjung prinsip demokrasi berkedaulatan rakyat, maka kata daulat rakyat dalam erti yang seluas-luasnya harus dihormati oleh semua pihak, terutama parti-parti yang bertanding.

Apabila dikatakan “rakyat memilih” bererti ada pilihan yang berupa sistem pelbagai parti (*ta`addud al-ahzab*), bukan sistem satu parti. Kepelbagaian parti seharusnya disikapi secara positif berasaskan prinsip kebebasan berfikir yang memang diakui oleh syari`at. Natijah kebebasan berfikir ialah perbezaan pendapat, sebagaimana terjelma dalam rupa perbezaan mazhab fiqh. Jika wujudnya kepelbagaian mazhab fiqh dapat diterima sebagai wajar, maka demikian pula wujudnya pelbagai parti. Justeru, mazhab-mazhab pada hakikatnya adalah parti-parti dalam fiqh (*al-madhahib ahzab fi al-fiqh*), sementara parti-parti pada hakikatnya adalah mazhab-mazhab dalam politik (*al-ahzab madhahib fi al-siyasah*).

Sesuai dengan prinsip kebebasan berfikir yang terpancar dari objektif syari`at *hifz al-`aql* (memelihara akal) dan prinsip daulat rakyat yang terjelma dari kurnia *karamah insaniyyah*, rakyat memiliki hak demokratis menubuhkan parti, memilih parti, masuk parti dan keluar parti. Seseorang yang keluar meninggalkan sesebuah parti politik tidak boleh ditafsirkan atau dikategorikan sebagai *al-mufariq li al-jama`ah* dalam hadith tentang murtad. Ungkapan *al-mufariq li al-jama`ah* tidak berdiri sendiri, tetapi sebagai sifat penguat (*sifah mu`akkidah*) kepada ungkapan *al-tarik li dinihi* (yang meninggalkan agamanya, yakni murtad). Meninggalkan jama`ah dalam hadith (r. Abu Dawud) tersebut bererti meninggalkan *jama`at al-Muslimin* seluruhnya. (Hidayat, Surahman., 2012: 200-201). Ia sama sekali tidak ada kaitannya dengan meninggalkan parti politik bikinan dan kendalian manusia dengan segala kerendahnya. Dengan kata lain, keluar parti bukan keluar agama, kerana parti memang bukan agama.

Kebebasan berfikir memberikan setiap rakyat hak demokratik menerima atau menolak sesbuah parti, parti apa pun, termasuk “parti Islam” jika pada pertimbangannya pendirian politik parti tersebut, programnya, ijtihad fiqhnya atau calonnya tidak dapat diterima. Mengenai isu ini Dr. Ahmad al-Raysuniy mengatakan, ”Apabila orang menolak parti Islam atau calon-calon Islam kerana prestasi buruk mereka, atau kurang kelayakan mereka, atau kerana tidak dapat menerima ijtihad-ijtihad fiqh mereka, atau program sosial mereka, atau pendirian-pendirian politik mereka, sesungguhnya ini sama sekali tidak bererti menolak Islam atau mana-mana bahagian daripada Islam, kerana hakikatnya Islam dan syari`atnya itu suatu hal, sementara orang-orang Islam, ijtihad-ijtihad mereka dan perilaku mereka adalah suatu hal yang lain.” (Al-Raysuniy, A. 2014:81).

Parti-parti politik boleh bersaing secara sihat dari segi penawaran khidmat dan program, di samping kualiti calon yang dikemukakan, bukan bertarung hancur-hancuran. Justeru, hubungan antara parti seharusnya didasarkan pada persefahaman bahawa semuanya adalah rakan-rakan peserta yang sama-sama komited untuk menghidupkan demokrasi. Parti-parti yang pelbagai boleh pula bergabung untuk melawan parti saingen sebagaimana gabungan *Hilf al-Fudul* di Makkah pada zaman sebelum Islam, sebuah pakatan untuk melawan kezaliman dan membela para korban kezaliman. Nabi s.`a.w. yang ikut serta dalam pakatan tersebut mengenangnya semula pada zaman Islam dengan berkata, “Andainya aku diajak menyertainya lagi pada zaman Islam, nescaya aku sambut.” *Tahaluf* dalam konteks demokrasi berpilihan raya tentunya meliputi juga kesepakatan untuk saling menyokong dan saling memenangkan. Janji harus ditepati, dengan siapa pun, termasuk dengan yang bukan Muslim. Yang menjadi perkiraan adalah *maslahah* dengan segala syarat-syaratnya sebagaimana yang dibahas oleh Sa`id Ramadan al-Butiy dalam bukunya *Dawabit al-Maslahah*.

## **Mewaspadai Kecurangan**

Di mana-mana demokrasi menghadapi bahaya pengkhianatan. Demi kekuasaan orang sanggup menginjak-nginjak prinsip dan nilai demokrasi. Demikianlah jika hanya sistemnya sahaja yang demokrasi tetapi manusianya bukan manusia demokrat. Demokrasi hanya dapat hidup subur dalam masyarakat yang berbudaya demokratik. Dengan kata lain, hanya apabila demokrasi telah menjadi budaya masyarakat dalam pengertian telah menyebati dalam kehidupan sehari-hari. Dalam masyarakat seperti itu masyarakat sendiri yang akan menjerit apabila berlaku sebarang pelanggaran terhadap prinsip dan nilai demokrasi.

Budaya demokrasi inilah yang tampaknya belum wujud secara nyata. Keadaan inilah yang membuka ruang keleluasaan mencerangi demokrasi dengan pelbagai cara yang tidak demokratik, tidak beretika dan tidak bermaruah.

Demokrasi berkedaulatan rakyat telah kehilangan erti apabila rakyat diperbodoh, dirosak, diremehkan dan dilumpuhkan. Mungkin kenyataan pahit itulah yang cuba diekspresikan oleh W.S.Rendra dalam konteks Indonesia menjelang abad 21 lewat puisi *Kesaksian Akhir Abad*:

*O, Indonesia! Ah, Indonesia!  
Negara yang kehilangan makna!  
Rakyat sudah dirusak atas tatanan hidupnya  
Berarti sudah dirusak dasar peradabannya  
dan akibatnya dirusak pula kemanusiaannya  
Maka sekarang negara tinggal menjadi peta  
Itu pun peta yang lusuh  
dan hampir sobek pula.*

*Pendangkalan kehidupan bangsa  
telah terjadi  
Tata nilai rancu  
Dusta, pencurian, penjarahan  
dan kekerasan halal.*

*Manusia sekadar semak belukar  
yang gampang dikacau dan dibakar  
Paket-paket pikiran murah dijajakan  
Penalaran amarah yang salah  
mendorong rakyat terpecah belah.*

Demokrasi yang berkedaulatan rakyat tidak berlaku kerana kedaulatan telah hilang dengan hilangnya kemerdekaan. Rakyat tidak lagi berkuasa, sebaliknya menjadi korban pihak berkuasa. Dalam bait-bait seterusnya, Rendra membuat kesaksian:

*Dengan puisi ini aku bersaksi  
bahawa rakyat Indonesia belum merdeka  
Rakyat yang tanpa hak hukum  
bukanlah rakyat merdeka  
Hak hukum yang tidak dilindungi  
oleh lembaga pengadilan yang mandiri*

*adalah hukum yang ditulis di atas air.*

*Bagaimana rakyat bisa merdeka  
bila polisi menjadi aparat pemerintah,  
dan tidak menjadi aparat hukum  
yang melindungi warganegara.*

*Bagaimana rakyat bisa merdeka  
bila birokrasi negara menjadi aparat pemerintah  
dan tidak menjadi aparat rakyat  
yang otonom mandiri  
sebagaimana layaknya  
di negara yang berdaulat rakyat.*

*Bagaimana rakyat bisa merdeka  
bila hak pilih mereka dipasung  
tidak boleh memilih secara langsung  
camat mereka, bupati, wali kota, gubernur  
dan jaksa tinggi mereka.*

.....

*Dengan puisi ini aku bersaksi  
bahawa sampai saat puisi ini aku tandatangani  
para elit politik yang berkedudukan  
atau pun yang masih di jalan  
tidak pernah memperjuangkan  
sarana-sarana kemerdekaan rakyat.*

Puisi tersebut menggambarkan rosaknya *trias-politica* apabila pemerintah menjadi terlalu berkuasa sehingga menguasai segalanya termasuk kehakiman, kepolisan, perkhidmatan awam dan lain-lainnya. Apabila ini sudah terjadi, tidak ada lagi kebaikan yang dapat diharapkan. Pemerintahan yang hanya mementingkan *maslahah* penguasa, tidak lagi memenuhi persyaratan kaedah fiqh bahawa pelayanan pemerintah terhadap rakyat terikat dengan *maslahah* mereka (rakyat). Melanggar kaedah fiqh, *tasarruf al-imam `ala al-ra`iyyati manutun bi al-maslahah*, bererti juga melanggar *maqasid al-shari`ah* kerana kaedah-kaedah fiqh pada dasarnya memang berorientasikan *maqasid al-shari`ah*. Hakikat inilah yang diungkapkan oleh Dr. Sa`id al-Shawiy dalam bukunya, *Maqasidiyyat al-Qawa`id al-Fiqhiyyah*. Beliau mengangkat karya al-`Izz

ibn `Abd al-Salam, *Qawa`id al-Ahkam fi Islah al-Anam*, sebagai teks kajiannya.

Dalam masyarakat yang sudah didominasi oleh kuasa dan dana, pilihan raya tidak lagi menjadi pesta demokrasi, tetapi telah menjadi pasar jual beli undi, kenduri rasuah duit berkampit-kampit. Dalam masyarakat yang mengimani “*cash is king*”, daulat rakyat telah mati dicekik daulat ringgit. Wang memang memiliki kuasa yang sangat sakti. Kuasa kesaktian inilah yang diungkapkan oleh K.H.Mustofa Bisri dalam puisinya *Amplop*:

*Orang bicara bisa bisu  
orang mendengar bisa tuli  
orang alim bisa nafsu  
orang sakti bisa mati.*

*Di negeri amplop  
amlop-amlop mengamlopi  
apa saja dan siapa saja.*

Demikian yang kita saksikan dalam politik demokrasi di mananya, termasuk di negara-negara yang mendakwa berjati diri demokrasi. Demokrasi sudah di”hijack” secara senyap oleh korporasi-korporasi besar yang mendanai ahli-ahli politik dan parti-parti politik. Akibatnya ahli-ahli politik dan kerajaan mereka lebih mengutamakan kepentingan pihak korporasi dan golongan elit ekonomi berbanding kepentingan rakyat. Nasib demokrasi yang tergadai itulah yang diserlahkan oleh Noreena Herzt dalam bukunya *The Silent Takeover* dengan sub-judul *Global Capitalism and the Death of Democracy*. Tentang betapa dahsyatnya cengkaman korporasi terhadap politik dunia, Noreena Hertz menyatakan, “*As we enter the new millennium, arguably the entire world is of (international) corporations, by (international) corporations, and for (international) corporations. The problem is the same, its geographical extent significantly worse. Corporations have, in effect, begun to lay down with force what is and what is not permissible for politicians all over the world to do.*” (Hertz, N., 2003:120).

Korporasi-korporasi penyumbang dana politik telah menjadikan ahli-ahli politik semakin tidak berdaya dan semakin kehilangan wibawa. Mengenai gejala ini Noreena Hertz mengatakan,

*Politicians are increasingly seen as impotent, irrelevant, and dishonest. People see their government as unable to deliver what they promise,*

*obsessed with unimportant issues and internal politicking, riddled with corruption, clinging to outmoded notions of authority, and increasingly in the pockets of businesspeople. The distinction between incompetence and dishonesty is becoming blurred as, in country after country, senior politicians are discovered to have engaged in corrupt practices.* (Hertz, N., 2003:121).

Demokrasi, korporasi dan orang-orang politik seperti yang digambarkan oleh Noreena Hertz itu tentu sahaja ada pro dan kontaranya. Demikian juga halnya dengan tulisan-tulisan tentang demokrasi di Malaysia seperti yang termuat dalam majalah *The Economist* (March 10th-16th 2018) yang lalu. Terlepas dari kontroversi pro dan kontranya, semua yang prihatin dengan nasib demokrasi di Malaysia menjadi sangat resah setelah membaca liputan tentang Malaysia dalam majalah tersebut. Dalam ruangan *Leaders*, majalah antarabangsa tersebut memuatkan tulisan tentang *Corruption in Malaysia* dengan judul besar *Stop, thief !*, yang diikuti dengan sub-judul *A prime minister accused of stealing millions from the state prepares to steal an election from voters*. Tulisan tersebut tidak hanya memaparkan butir-butir di sekitar isu yang disebut “*...stealing millions from the state*”, tetapi memaparkan juga *trick* penipuan dalam pilihan raya yang berlaku di Malaysia di bawah tajuk *How to rig an election*. *Trick* menipu seperti yang diserlahkan dalam tulisan tersebut terfokus pada dua cara, iaitu *gerrymandering* dan *malapportionment*.

Dua cara penipuan tersebut dibincangkan lagi dalam liputannya tentang rantau Asia yang menyorot isu *Malaysian Politics* di bawah judul *Tilting the playing field*. Sekali lagi *trick* penipuan dalam pilihan raya menjadi fokusnya sebagaimana yang tersirat dan tersurat dalam sub-judul *Electoral tricks are afoot even before the election campaign begins*. *Gerrymandering* berkaitan dengan pensem padanan, ”*drawing constituency boundaries so that lots of opposition voters are packed into a few seats, while ruling-party supporters form a narrow majority in a larger number*.”, sementara *malapportionment* pula berkaitan dengan kepadatan penduduk (pengundi), ”*creating districts of uneven populations, so that those which support the opposition are much bigger than those that back the government*.” Kedua-duanya dianggap sangat tidak adil, malah menyalahi peruntukan perlembagaan yang menyebut bahawa keluasan kawasan-kawasan pilihan raya seharusnya ”*approximately equal*”.

Sama ada *gerrymandering* atau *malapportionment*, kedua-duanya adalah ketidakadilan, dan kedua-duanya adalah tidak demokratik. Seperti yang disebut oleh Wong Chin Huat dari Penang Institute, “*If an election is voters choosing politicians, gerrymandering is politicians choosing voters.*” Ada pihak yang dirugikan dan ada pihak lain yang diuntungkan tanpa justifikasi. Jelas, ia tidak dapat diterima kerana bertentangan dengan *maqsad al-`adl* (objektif keadilan) yang menjadi bahagian daripada *maqasid al-shari`ah*.

## Khatimah

Dalam situasi sekarang ini *maqasid al-shari`ah* sebagai nilai-nilai sejagat harus difungsikan sepenuhnya untuk memelihara kerukunan hidup masyarakat plural, dan sekali gus menyelamatkan demokrasi. Kesedaran maqasidi dapat membangkitkan rakyat melawan politik *racist* dan sentimen keagamaan yang salah tempat. Untuk merealisasikan *maslahah* sesuai dengan matlamat *maqasid al-shari`ah*, yang harus dibina bukan konflik antara kaum atau antara agama, tetapi kerukunan hidup berdampingan atau *al-ta`ayush al-silmiy*. Umat Islam sebagai golongan majoriti harus memimpin proses pembentukan bangsa Malaysia dalam pengertian *ummah siyasiyyah* yang inklusif berdasarkan formula dasar *kepelbaagaian dalam bingkai kesatuan*. Golongan bukan Islam harus dilayani dengan adil sebagaimana layaknya warganegara penuh berdasarkan prinsip: mereka mendapat apa yang kita dapat, dan memikul (tanggungjawab) yang sama kita pikul (*lahum ma lana wa `alayhim ma `alayna*).

Nilai-nilai sejagat: moral dan etika, kebebasan, keadilan, persamaan dan hak asasi manusia sebagaimana yang terkandung dalam *maqasid al-shari`ah* harus dijelmakan menjadi kekuatan massa melawan politik curang yang ingin membunuh roh demokrasi sehingga demokrasi hanya tinggal raga tanpa jiwa. Apa ertinya raga demokrasi, jika jiwanya diktator-kleptokrat. Roh demokrasi ialah hak pilih di tangan rakyat (memilih dan dipilih), yang bererti hanya yang mendapat mandat dari rakyat sahaja yang sah menjadi pemerintah. Dengan demikian demokrasi juga menjamin berlakunya peralihan kuasa (*tadawul al-sultah*) dengan aman. Manusia demokrat akan menerima peralihan kuasa sebagai suatu yang normal dan wajar. Kerajaan hari ini boleh menjadi pembangkang esok, dan pembangkang hari ini boleh menjadi kerajaan esok. Demikianlah proses peralihan dan penggiliran kuasa yang mencirikan demokrasi yang sihat. Kuasa rakyat harus dihormati dengan memberikan mereka hak memilih dengan bebas dan cerdas, tanpa ancaman dan ugutan,

tanpa ditakut-takutkan dengan sebarang tahan politik yang memperbodoh dan menyesatkan.

## Rujukan

- Al-Ghadban, Munir Muhammad. 1988. *Al-Tahaluf al-Siyasiy fi al-Islam*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Al-Raysuniy, Ahmad. 2014. *Al-Fikr al-Islamiy wa Qadayana al-Siyasiyyah al-Mu`asirah*. Kaherah: Dar al-Kalimah.
- Al-Shatibiy, Abu Ishaq. 2014. *Al-Muwafaqat fi Usul al-Shari`ah* (ed. Muhammad Abd al-Qadir al-Fadiliy). Beirut: Al-Maktabah al-`Asriyyah.
- Al-Shawiy, Sa`id. 2015. *Maqasidiyyat al-Qawa`id al-Fiqhiyyah*. Kaherah: Dar al-Kalimah.
- Hertz, Noreena. 2003. *The Silent Takeover*. New York: HarperBusiness.
- Hidayat, Surahman. 2012. *Al-Ta`ayush al-Silmiy bayna al-Muslimin wa ghayrihim Dakhila Dawlatin Wahidah*. Kaherah: Dar al-Salam.
- Jabr, Dandal. 2006. *Al-Ta`addudiyat al-Siyasiyyah wa Tadawul al-Sultah fi al-Siyasat al-Shar`iyyah*. `Amman: Dar `Imar.
- Siddiq Fadzil. 2012. *Islam dan Melayu*. Kajang: Akademi Kajian Ketamadunan, Kolej Dar al-Hikmah.
- Majalah *The Economist* (March 10<sup>th</sup> - 16<sup>th</sup> 2018).

IDE/UNISEL/KDH

31032018